

16/06/2001

IKIM FM dapat kerjasama Celcom

Hardi Effendi Yaacob

CELCOM Malaysia, syarikat telekomunikasi terkemuka berbangga apabila berpeluang bekerjasama mengendalikan operasi dan siaran stesen radio terbaru di negara ini, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) FM.

Naib Presiden Eksekutif Kumpulan TRI/Celcom Malaysia, Bistamam Ramli, menganggap kerjasama itu sebagai perkembangan sihat bukan saja terhadap bidang telekomunikasi tetapi juga bidang penyiaran tempatan.

"Kami berharap perjanjian persefahaman (MoU) dan jalinan kerjasama ini akan menjadi satu detik permulaan terhadap hubungan baik antara Celcom serta IKIM.

"Ia seterusnya diharap dapat mendatangkan banyak manfaat kepada kedua-dua pihak terbabit," katanya.

Menurutnya, perkhidmatan rangkaian dan infrastruktur IKIM FM yang disediakan Celcom Malaysia menerusi Celcom Broadcast Services membolehkan transmisi digital dari studio radio itu ke stesen pemancarnya di seluruh negara.

Katanya lagi, ia akan menawarkan mutu siaran audio berkualiti tinggi kepada orang ramai.

"Celcom Broadcast Services atau ringkasnya, CBS adalah perkhidmatan yang disediakan Perkhidmatan Rangkaian Tetap Celcom sejak dua tahun lalu. Ia sudah pun digunakan secara meluas sebelum ini.

"Ia pernah digunakan Formula 1 di Litar F-1, Sepang, lumba motosikal Grand Prix (GP) Malaysia dan beberapa siri pertandingan bola sepak sekitar Eropah serta Amerika Latin.

"Kejayaan penggunaan teknologi penyiaran itu pada acara berkenaan mendorong kami untuk terus mempertingkatkan keupayaan CBS dan aplikasinya," katanya.

Bistamam berkata, perkhidmatan siaran langsung menerusi CBS akan dipancarkan dan diterima menerusi telepot atau stesen bumi milik Celcom Malaysia yang ditempatkan di Kijal, Terengganu.

Malah, ia dapat berhubung dengan beberapa satelit utama dunia seperti Intelsat, Panamsat dan Asiasat.

"Dengan pengalaman dan kejayaan kami di sebalik penggunaan CBS, kami yakin ia membolehkan Celcom Malaysia menawarkan perkhidmatan terbaik.

"Kami percaya, kerjasama ini mencerminkan keyakinan IKIM terhadap keupayaan, pengalaman, teknologi dan kepakaran yang dimiliki Celcom Malaysia dalam bidang telekomunikasi serta dunia penyiaran," katanya.

Terdahulu, Bistamam mewakili Celcom Malaysia pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) penyediaan perkhidmatan rangkaian dan infrastruktur bagi IKIM FM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

IKIM diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ismail Ibrahim pada acara berkenaan yang turut disaksikan Pengerusi IKIM, Tan Sri Dr Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Pengerusi TRI/Celcom Malaysia, Tan Sri Tajuddin Ramli.

Ia kemudiannya disusuli pelancaran transmisi ujian radio berkenaan di Studio IKIM FM di Kompleks IKIM, Lot 26647, Jalan Langgak Tunku, Kuala Lumpur.

Celcom Malaysia turut menganggap MoU dan projek kerjasama itu bukan bersifat komersial semata-mata.

"Apa yang penting, peluang yang diberikan kepada Celcom Malaysia untuk menjalankan tugas penting, seterusnya menyumbang kepada dakwah Islamiah demi kebaikan ummah secara am," kata Bistamam.

IKIM FM dibangunkan dengan perbelanjaan kurang RM10 juta manakala kos

operasinya dianggarkan RM1 juta setahun. Ia boleh diikuti siarannya di seluruh negara selepas 6 Julai ini.

Ia boleh diikuti menerusi gelombang 91.5FM bagi Lembah Klang, 89.5FM (Pahang), 102.7FM (Negeri Sembilan), 98.9FM (Perak), 89.0FM (Kedah), 89.8FM (Kelantan) dan 100.2FM (Terengganu).

Di Johor pula, IKIM FM boleh diikuti siarannya menerusi dua gelombang, 89.5FM (sekitar Johor Bharu) dan 107.9FM (bahagian Johor Selatan) disusuli 93.9FM (Sabah) serta 98.8FM (Sarawak).

Ia menggunakan 11 stesen pemancar termasuk di Bukit Cincin (bagi siaran di Lembah Klang), Bukit Pelindung II, Kuantan; Gunung Jerai, Alor Star dan Gunung Ledang, Gunung Pulai (Johor).

Turut disenaraikan, stesen pemancar di Bukit Kokol, Kota Kinabalu; Pending, Kuching; Bukit Besar, Kuala Terengganu; Bukit Panau, Kota Bharu; Bukit Kledang, Ipoh dan Telapa Buruk (Negeri Sembilan).

IKIM FM kini sedang menjalani proses percubaan siarannya, terutama di sekitar Lembah Klang bagi mendapatkan maklum balas di kalangan orang ramai sambil memperbaiki segala kelemahan.

Ia bermula sejak 6 Jun lalu dan dijadualkan berlangsung selama sebulan sebelum dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 6 Julai nanti.

(END)